



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar di **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR, LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** dan **JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT** yang masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini bagi membuat kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KEPALA / SUB KEPALA	HARGA DOKUMEN	MASA PEMBELIAN
1.	KERJA – KERJA MENAIK TARAF DEWAN SERTA KERJA BERKAITAN DI DEWAN AYER BALOI, MP PONTIAN (MPPn / SH / 48 / 2024)	G3 Bumiputera	CE21	RM 50.00	Ahad – Rabu 8.30 pagi – 3.00 petang
2.	KERJA – KERJA MENAIK TARAF DEWAN SERTA KERJA BERKAITAN DI DEWAN MUAFAKAT TAMAN SRI SENTOSA, PEKAN NANAS, PONTIAN (MPPn / SH / 49 / 2024)	G3 Bumiputera	CE21	RM 50.00	
3.	KERJA – KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI LORONG BELAKANG JALAN PASAR LAMA, PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR (MPPn / SH / 51 / 2024)	G2 Bumiputera	CE21	RM 50.00	Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang
4.	KERJA – KERJA MEMBINA PUSAT KOMUNITI SERTA KERJA – KERJA BERKAITAN DI TAMAN KIARA, PEKAN NANAS, PONTIAN (MPPn / SH / 62 / 2024)	G2 Bumiputera	CE21 & B04	RM 50.00	


2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **08 September 2024 (Ahad) jam 10.30 pagi**. Taklimat akan diadakan sekali sahaja (diwajibkan). Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Persidangan, Aras 3, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

3. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 hanya **penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Johor Centre For Construction Development (JCCD) sahaja yang di benarkan menghadiri lawatan tapak / taklimat yang diadakan. **Wakil tidak dibenarkan.**

4. Butir-butir dan dokumen sebut harga ini boleh didapati di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** dan hendaklah dibayar dalam bentuk **wang pos/kiriman wang/draf bank** yang dibuat atas nama **Majlis Perbandaran Pontian**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Hanya kontraktor yang menghadiri sesi taklimat layak untuk membeli dokumen sebut harga.** Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **salinan asal** serta **fotostat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, Perakuan Pendaftaran Asal **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, Taraf Bumiputera dari **BPKU**, **Sijil Kontraktor Johor (JCCD)** dan **pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta menyerahkan salinannya semasa membeli dokumen sebut harga. Kebenaran khas tidak dibenarkan.

5. **Dokumen mula dijual** pada **08 September 2024 (Ahad) (selepas lawatan tapak)**. Tarikh akhir penyerahan dokumen sebut harga pada **17 September 2024 (Selasa), tidak lewat dari Jam 12.00 Tengahari.**

6. Dokumen Sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah disampul surat berlakri yang bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor.**


(HAZI AB RAZAK BIN KHALID)
Yang Di Pertua,
Majlis Perbandaran Pontian.
Bertarikh : 03 September 2024

